



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 1/1994**

Pelan Pra-Pengiraan (Pre-Computation Plan) (Disemak 2007)



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/1994
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 1/1994

Pelan Pra-Pengiraan (*Pre-Computation Plan*) (Disemak 2007)

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai siapa yang boleh menyediakan pelan pra-pengiraan yang perlu dilampirkan bersama permohonan pecah sempadan tanah dan permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan perlunya kelulusan permohonan-permohonan itu diberi berdasarkan kepada pelan pra-pengiraan.

2. Peruntukan mengenai pelan pra-pengiraan dimasukkan ke dalam perenggan 137(1)(b) dan perenggan 204D(1)(c) Kanun Tanah Negara 1965 melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1992 (Akta A832) yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1993. Mulai tarikh ini, semua permohonan pecah sempadan tanah dan permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula, masing-masing, dalam Borang 9A dan Borang 12D Kanun Tanah Negara 1965 perlu diiringi, antara lain, oleh pelan pra-pengiraan.

3. Pelan pra-pengiraan perlu disediakan oleh juruukur tanah berlesen. Ini adalah untuk menjamin bahawa pelan itu adalah tepat (*accurate*) seperti yang dikehendaki dalam takrif '*pre-computation plan*' dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara 1965. Berkemungkinan terdapat individu yang boleh menyediakan pelan pra-pengiraan. Walau bagaimanapun, individu tersebut tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang sebagaimana juruukur tanah berlesen yang tertakluk kepada Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Tambahan pula, menurut seksyen 13 Akta 458 dan juga seksyen 400A Kanun Tanah Negara 1965, hanya juruukur tanah berlesen dan Pegawai Ukur yang dilantik di bawah Kanun Tanah Negara 1965 sahaja boleh menjalankan ukur hakmilik (*title survey*). Penyediaan pelan pra-pengiraan ini adalah sebahagian daripada ukur hakmilik berdasarkan kepada takrif '*title survey*' dalam seksyen 2 Akta 458.

4. Sejajar dengan kehendak supaya pemohon pecah sempadan tanah dan pemohon penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 menyertakan pelan pra-pengiraan, maka kelulusan permohonan-permohonan itu juga perlulah diberi berpandukan kepada pelan tersebut. Ini bertujuan di antara lain, untuk mengelakkan dari timbulnya tanah-tanah di bawah hakmilik sementara yang bertindih.

5. Oleh itu Pentadbir-pentadbir Tanah hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:-

- 5.1. pelan pra-pengiraan yang mengiringi Borang 9A dan Borang 12D Kanun Tanah Negara 1965 adalah pelan yang disediakan oleh juruukur tanah berlesen; dan
- 5.2. kelulusan pecah sempadan tanah dan kelulusan penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah juga diberi berpandukan kepada pelan pra-pengiraan yang disediakan oleh juruukur tanah berlesen.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan